

Seremban diisytihar bandar raya

MPS, MPN digabung menjadi MBS berkuat kuasa pada 1 Januari lalu

Oleh SARINAH MAT KASIM

SEREMBAN

Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir berkenan mencemar duli mengisytiharkan Seremban sebagai bandar raya dan merasmikan Wisma Majlis Bandaraya Seremban (MBS) di sini malam kelmarin.

Upacara istiadat pengisytiharan itu bermula apabila Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin mempersembahkan surat cara pengurniaan taraf bandar raya kepada Tuanku Muhriz sebelum baginda menyerahkannya kepada Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun.

Baginda kemudian mengisytiharkan Majlis Perbandaran Seremban (MPS) dan Majlis Perbandaran Nilai (MPN)

digabungkan menjadi MBS berkuat kuasa pada 1 Januari lalu.

Aminuddin ketika membacakan surat cara pelantikan mengisytiharkan Datuk Zazali Salehudin sebagai Datuk Bandar bagi Bandaraya Seremban.

Tuanku Muhriz turut berkenan memakaikan kalung jawatan dan menyerahkan cokmar kepada Zazali.

Turut mencemar duli berangkat pada majlis berkenaan ialah Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud bersama dua anakanda baginda, Tunku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhaudin dan Tunku Zain Al'Abidin.

Turut hadir, Undang-Yang Empat dan Tunku Besar Tampin serta barisan pimpinan Negeri Sembilan.

Pada 12 November 2008, kerajaan negeri meluluskan cadangan untuk menggabungkan MPS dan MPN sebagai satu entiti, selain menaik taraf kepada MBS.

Sementara itu, Aminuddin berkata, menerusi pembentukan MBS, bandar Seremban diharap dapat mendepani revolusi perubahan dunia moden tanpa sempadan dan mengekalkan keindahan bandar yang bersih serta hijau.

“Bagi pengukuhan pembangunan yang mampan di Seremban, antara strateginya adalah membentuk komuniti masyarakat yang berdaya saing melibatkan pelbagai aspek.

“Kerajaan negeri mempunyai keyakinan MBS akan memberikan impak positif bagi merangsang perkembangan ekonomi dan pembangunan masya-

rakat, sekali gus mendokong dasar yang direncanakan oleh kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri,” kata beliau.

MBS mempunyai seramai 1,224 pegawai dan kakitangan yang komited serta berintegriti tinggi yang dikukuhkan dengan jabatan-jabatan yang terus utuh berkhidmat dalam struktur dan organisasi.



Tuanku Muhriz berkenan mengisytiharkan Seremban sebagai bandar raya dan merasmikan Wisma MBS di Forest Heights, Seremban malam kelmarin.